

R 8323 AAB

MAHATHIR - SENIBINA

KUALA LUMPUR, 16 SEPT. (BERNAMA) -- BANGUNAN PUSAT ISLAM YANG DIRASMIKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BUKAN SAHAJA BERDIRI MEGAH DARIPADA SEGI KEUNIKAN RUPA BENTUKNYA TETAPI JUGA MELAMBANGKAN DASAR DAN ASPIRASI KERAJAAN MENINGGIKAN SYIAR ISLAM DI NEGARA INI.

BANGUNAN ITU KINI MENEMPATKAN 603 ORANG KAKITANGAN BAHAGIAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM; JABATAN PERDANA MENTERI (JPM), YANG JUGA MERUPAKAN SEBUAH JABATAN TERBESAR TERLETAK DI BAWAH JPM.

ORANG RAMAI TERMASUK PARA PEMBESAR YANG MELAWAT KOMPLEKS PUSAT ISLAM SEMPENA MAJLIS PERASMIANNYA MENUNJUKKAN RASA KAGUM MEREKA DENGAN REKA BENTUK SENIBINA DAN KEINDAHANNYA.

PERDANA MENTERI SENDIRI KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN ITU MENYATAKAN RASA BANGGANYA DENGAN KEUPAYAAN PARA AKITEK DARIPADA KUMPULAN SENIREKA SDN BHD YANG BERJAYA MELAHIRKAN SEBUAH BANGUNAN YANG UNIK DAN DAPAT PULA MEMENUHI KEHENDAK SEBUAH JABATAN YANG PENTING DALAM PENTADBIRAN AGAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENARIK PERHATIAN BAHAWA SATU PERHIASAN DI KOMPLEKS ITU YANG MENARIK IALAH DUA KEPING +STAINED GLASS+ DI PINTU BESARNYA SEPERTI YANG DIPASANG DI TINGKAP MASJID NABAWAI DI HADAPAN MAKAM NABI MUHAMMAD S.A.W. DAN MASJID ZAHIR DI ALOR SETAR.  
-- LAGI.

1500MST 16 09 85

MAHATHIR - SENIBINA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI. DR MAHATHIR BERKATA SEJAK BAHAGIAN AGAMA ISLAM DITUBUHKAN DI JPM, ATAS DESAKAN RAKYAT MELALUI UMNO, KEGIATAN BAHAGIAN INI TELAH MENINGKAT BUKAN SAHAJA DARIPADA SEGI BILANGAN KAKITANGAN TETAPI JUGA BIDANG-BIDANG TERTENTU YANG BERKAITAN DENGAN URUSAN AGAMA ISLAM DI NEGARA INI.

UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ITU, MAKA BANGUNAN PUSAT ISLAM DIDIRIKAN WALAUPUN SEBELUM INI SEBUAH BANGUNAN UNTUK BAHAGIAN ITU DIBINA TETAPI IA TIDAK DAPAT MENAMPUNG KEPERLUAN RUANG DAN TIDAK SEJAJAR DENGAN TARAF ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI NEGARA, KATANYA.

BAHAGIAN AGAMA JPM DITUBUHKAN 15 TAHUN LALU YANG BERMULA DENGAN LAPAN ORANG KAKITANGAN. IA BERMULA SEBAGAI SEKRETARIAT KEPADA MAJLIS KEBANGSAAN HAL EHWAL AGAMA; JPM DALAM TAHUN 1970. -- BERNAMA.  
1503MST 16 09 85